

23 Disember 2022
Kenyataan Media

IKRAR BEBAS RASUAH MARTABATKAN INTEGRITI PUSPAKOM DISAKSIKAN OLEH SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Shah Alam, 23 Disember 2022 – Lebih 70 kakitangan terdiri daripada peringkat pengurusan, termasuk dari Sabah dan Sarawak, merupakan kumpulan pertama menghadiri Majlis Lafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang berlangsung di PUSPAKOM, Shah Alam baru-baru ini. Program ini amat penting dan bermakna kepada PUSPAKOM kerana ia melambangkan komitmen dan kesungguhan yang berterusan dalam memperkasakan integriti di samping meningkatkan reputasi syarikat.

Dalam majlis ini, Encik Mohammed Shukor bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, mengetuai semua kakitangan yang hadir melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah. Majlis ini disaksikan oleh Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor; Encik Ridzuan bin Abdul Malik, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor; Dato' Samsiah Abu Bakar, Perunding PUSPAKOM dan Encik Hashim bin Borhan, Ketua Seksyen Tadbir Urus dan Integriti, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Komitmen PUSPAKOM dalam memerangi rasuah bukan hanya kepada ikrar, tetapi pelbagai inisiatif yang telah dibuat antaranya, pembentukan Kerangka Kerja Integriti dan Pematuhan PUSPAKOM (PICF), jelajah dialog integriti di semua cawangan PUSPAKOM seluruh negara di mana taklimat berkaitan integriti dan isu-isu berbangkit dibincangkan bersama-sama kakitangan; usaha pendigitalan urus niaga di PUSPAKOM seperti transaksi tanpa tunai sepenuhnya, janji temu pemeriksaan dalam talian, penggunaan peralatan pemeriksaan berautomasi yang tidak boleh dimanipulasi, aktiviti-aktiviti pemantauan pemeriksaan dan lain-lain.

Mohammed Shukor berkata, “IBR merupakan medium terbaik agar seluruh warga kerja PUSPAKOM bertekad dan bertindak menjauhi diri daripada sebarang perlakuan dan amalan tidak berintegriti dan berunsur rasuah.” Beliau juga menegaskan bahawa PUSPAKOM tidak sesekali berkompromi dan melindungi mana-mana individu yang terlibat dengan rasuah.

Alias juga berkata, “Program lafaz bebas rasuah ini merupakan satu ikrar dan komitmen sesebuah organisasi untuk menentang dan menjauhi rasuah. Ikrar yang ditandatangani oleh PUSPAKOM ini menunjukkan komitmen semua warga PUSPAKOM untuk melaksanakan tugas dengan lebih tegas, bertanggungjawab dan sentiasa menjauhkan diri dengan sebarang perlakuan yang tidak berintegriti.”

PUSPAKOM telah mula mengorak langkah ke arah memperkasakan integriti dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengekalkan tahap amalan integriti yang tinggi sejak tahun 2011 lagi.

Tahun	Inisiatif dan aktiviti
2011	Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PUSPAKOM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2012	Mewujudkan Pelan Integriti PUSPAKOM
2013	Menubuhkan Jawatankuasa Integriti Dalam PUSPAKOM
2015	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasakan Saluran Pemberian Maklumat • Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia

2018	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan Polisi Anti-Rasuah PUSPAKOM • Mendapat pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah
2020	Menyelaraskan Saluran Pemberian Maklumat PUSPAKOM
2021	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan Kerangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM atau <i>PUSPAKOM Integrity & Compliance Framework (PICF)</i> • Mewujudkan Buku Panduan Integriti PUSPAKOM
2022	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat pengiktirafan Ikrar Integriti Korporat (CIP) Versi 2.0 mengikut keperluan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)

Selain itu, dalam jangka masa yang terdekat ini, PUSPAKOM turut merangka pelan untuk mendaftarkan "runner" atau orang tengah yang mewakili pelanggan dalam urusan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM bertujuan memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh runner adalah telus dan berintegriti. Ini bermaksud, usaha dan inisiatif PUSPAKOM dalam memerangi rasuah bukan sahaja melibatkan warga kerja PUSPAKOM tetapi juga pihak ketiga yang terlibat dalam menawarkan perkhidmatan berkenaan pemeriksaan kenderaan. Ini akan menjamin ketelusan urusan pemeriksaan kenderaan.